

13 NOV 2000

Mahathir-Sukan

KAJI SEBAB TIDAK TERPILIH ANJUR SUKAN ASIA, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Muin Abdul Majid

DOHA, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia perlu mengkaji mengapa Kuala Lumpur tidak terpilih menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita berasa sedih, kita ingat kita akan dipilih tetapi nampaknya kita tidak terpilih.

"Kita perlu kaji apa sebabnya kita tidak terpilih," katanya ketika ditanya mengenai keputusan Majlis Olimpik Asia (OCA) di Pusan semalam yang memilih Qatar sebagai penganjur temasya sukan ketiga terbesar dunia yang diadakan setiap empat tahun itu.

Dr Mahathir bercakap kepada wartawan Malaysia malam tadi selepas menghadiri jamuan yang diadakan oleh rakyat Malaysia di Qatar.

Beliau berada di sini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang bermula semalam.

Pada pemilihan tuan rumah Sukan Asia 2006 yang dijalankan di Pusan, Korea Selatan semalam, Kuala Lumpur memperolehi 13 undi pada pusingan pertama manakala Doha 20 dan Hong Kong, enam. New Delhi yang hanya mendapat dua undi terkeluar daripada saingan.

Pada undian pusingan kedua, Doha memperolehi undi majoriti apabila meraih 22 undi manakala Kuala Lumpur 13 dan Hong Kong, enam.

Keputusan pemilihan itu diumumkan oleh Presiden OCA Sheikh Ahmad Al-Fahad Al-Sabah selepas proses pengundian sulit.

-- BERNAMA

MAM RZS AZZ NMO